


# RED CROSS AND RED CRESCENT SOCIETIES AND THE IMPLEMENTATION OF INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW: GUIDING PRINCIPLES



The implementation of international humanitarian law is a primary objective of the International Red Cross and Red Crescent Movement. National Societies are well placed to promote implementation within their own countries. The Movement's Statutes recognize the role played by the Societies in conjunction with their governments to ensure respect for international humanitarian law and to protect the red cross and red crescent emblems. The Societies' contacts with the national authorities and other entities concerned and, in many cases, their own expertise in national and international law give them a key part to play in this field. They may also be able to draw on, or provide, advice and support within the Movement. National Societies are encouraged to make full use of these resources to promote the national implementation of humanitarian law.

## WHAT IS IMPLEMENTATION?

States must take a number of measures, both in peacetime and during armed conflicts, to ensure that they meet their obligations under international humanitarian law. These include:

- a. repressing war crimes;
- b. protecting the red cross and red crescent emblems;
- c. granting protected persons fundamental and judicial guarantees during armed conflict;
- d. appointing legal advisers in their armed forces;
- e. spreading knowledge of international humanitarian law;
- f. identifying and marking protected persons, places and means of transport;
- g. training personnel qualified in international humanitarian law.

Measures (a), (b) and (c) may require the adoption of national legislation.

*“The implementation of international humanitarian law is a primary objective of the International Red Cross and Red Crescent Movement. National Societies have a key part to play in this field.”*

It is also recommended that, where necessary, the States establish a national committee or similar body for the implementation of international humanitarian law.

In addition, they should deposit a declaration accepting the competence of the International Fact-Finding Commission provided for in Art. 90 of Protocol I additional to the Geneva Conventions.

Implementation is an ongoing process. Once a measure has been adopted it must still be properly implemented. Meanwhile, States are encouraged to adhere to any instruments of international humanitarian law to which they are not yet party.

## ACTION BY NATIONAL SOCIETIES

There are various measures that the National Societies may take.

### ***Participation in international humanitarian law instruments***

- discussing their content and purpose with national authorities;
- promoting support for those instruments.

### ***Adaptation of national legislation***

- making national authorities aware of the need for legislation to implement the law;
- drafting national legislation and/or commenting on the draft legislation of the national authorities;
- encouraging the introduction and adoption of implementing legislation;
- explaining to legislators and the general public the need to implement humanitarian law by adapting national legislation.

### ***Protection of the emblems***

- raising awareness among national authorities, professionals, business people and the general public;
- make known the need for legislation to protect the emblems, and encouraging its adoption;
- monitoring use of the emblems;
- reporting misuse of the emblems to the appropriate national authorities;
- advising national authorities on legal questions related to use of the emblems.

---

*States must take a number of measures, both in peacetime and during armed conflicts, to ensure that they meet their obligations under international humanitarian law.*

### **Dissemination**

In addition to the Societies' own work to spread knowledge of the law, activities in this domain can include:

- reminding national authorities of their own obligation to spread knowledge;
- providing authorities with advice and promotional materials;
- taking part in the authorities' promotional programmes;
- monitoring the continuation and content of national programmes.

---

*National implementation of IHL rules is an ongoing process. Once a legislative measure has been adopted, it must still be properly implemented.*

### **Legal advisers in the armed forces and qualified persons**

- making national authorities aware of the need for legal advisers in the armed forces as well as qualified persons;
- taking part in the training of armed forces advisers and qualified persons;
- recommending suitable candidates for the qualified persons.

### **National committees for the implementation of humanitarian law**

- making the national authorities aware of the advantages of having these committees;
- providing advice and materials on setting them up;
- providing secretarial and other services;
- advising the committees once set up;
- encouraging the committees to meet regularly.

### **National Society resources**

National Societies have a range of resources with which to promote implementation. Full advantage should be taken of them.

### **National expertise in international humanitarian law**

This expertise may be provided by:

- the National Society's own legal adviser or staff member responsible for the dissemination of humanitarian law;
- legal experts serving in other capacities within the Society;
- an academic or military specialist acting as honorary legal adviser to the Society;
- legal experts, in particular those with an academic or military background, who are in regular touch with the Society.

A National Society may be able to provide specialized knowledge that would not otherwise be available to the authorities. Their experts are likely to have the necessary combination of expertise in national law and international humanitarian law required to ensure effective implementation.

---

*A National Society may be able to provide specialized knowledge that would not otherwise be available to the authorities.*

### **National contacts**

Implementation may be promoted by contacting:

- government (including ministries such as Foreign Affairs, Defense, Justice and Health);
- the armed and security forces;
- the legislative power;
- the judiciary and representatives of the legal profession;
- civil defense and relief organizations;
- representatives of the medical and teaching professions.

Given the role and position of National Societies within their respective countries, they are likely to be well placed to cultivate these contacts.

### **Cooperation and assistance**

By promoting implementation, National Societies may also draw on advice, materials and direct assistance from others within the International Red Cross and Red Crescent Movement, including:

- other National Societies within the same region;
- National Societies from countries with a similar legal system;
- National Societies with experience in particular areas of implementation;
- the ICRC's Advisory Service on International Humanitarian Law.

Such activities should be as well coordinated as possible, and exchange of information on implementation should be encouraged. National Societies are urged to facilitate this by informing the ICRC's Advisory Service both of implementation measures adopted or under consideration in their countries and of their own activities and areas of expertise in the implementation field.




Using and developing their own resources, and drawing on the advice and assistance of other members of the International Red Cross and Red Crescent Movement, National Societies can do much to bring about effective implementation of international humanitarian law.

---

*Using and developing their own resources, and drawing on the advice and assistance of other members of the International Red Cross and Red Crescent Movement, National Societies can do much to bring about effective implementation of international humanitarian law.*

## **MISSION**

The International Committee of the Red Cross (ICRC) is an impartial, neutral and independent organization whose exclusively humanitarian mission is to protect the lives and dignity of victims of armed conflict and other situations of violence and to provide them with assistance. The ICRC also endeavours to prevent suffering by promoting and strengthening humanitarian law and universal humanitarian principles. Established in 1863, the ICRC is at the origin of the Geneva Conventions and the International Red Cross and Red Crescent Movement. It directs and coordinates the international activities conducted by the Movement in armed conflicts and other situations of violence.


 [facebook.com/icrc](https://facebook.com/icrc)  
 [twitter.com/icrc](https://twitter.com/icrc)  
 [instagram.com/icrc](https://instagram.com/icrc)



**ICRC**

**International Committee of the Red Cross**  
19, avenue de la Paix  
1202 Geneva, Switzerland  
T +41 22 734 60 01  
[shop.icrc.org](https://shop.icrc.org)  
© ICRC, April 2021

# PERSATUAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH DAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA: PRINSIP-PRINSIP PANDUAN



Pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa merupakan objektif utama Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Persatuan-Persatuan Kebangsaan mempunyai kedudukan baik dalam menggalakkan pelaksanaan di negara masing-masing. Statut-Statut Pergerakan mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh Persatuan-Persatuan bersama kerajaan masing-masing bagi memastikan penghormatan kepada undang-undang kemanusiaan antarabangsa serta perlindungan lambang-lambang palang merah dan bulan sabit merah. Hubungan Persatuan-Persatuan Kebangsaan dengan pihak berkuasa-pihak berkuasa kebangsaan serta entiti-entiti lain yang berkaitan dan, dalam kebanyakan keadaan, kepakaran mereka sendiri dalam undang-undang kebangsaan dan antarabangsa membolehkan mereka memainkan peranan yang penting dalam hal ini. Mereka juga boleh mendapat manfaat daripada, atau memberikan nasihat dan sokongan dalam Pergerakan. Persatuan-Persatuan Kebangsaan digalakkan untuk menggunakan sepenuhnya sumber-sumber ini untuk mempromosikan pelaksanaan domestik undang-undang kemanusiaan.

## APA ITU PELAKSANAAN?

Negara-Negara mesti mengambil langkah-langkah, pada masa aman dan juga semasa konflik bersenjata, untuk memastikan mereka memenuhi obligasi masing-masing di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Langkah-langkah ini termasuk:

- a. mengekang jenayah-jenayah perang;
- b. melindungi lambang-lambang palang merah dan bulan sabit merah;
- c. memberikan jaminan asas dan jaminan kehakiman kepada orang yang dilindungi semasa konflik bersenjata;
- d. melantik penasihat-penasihat undang-undang dalam angkatan tentera mereka;
- e. menyebarkan pengetahuan tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa;
- f. mengenal pasti dan mengenakan lambang bagi orang, tempat dan pengangkutan yang dilindungi;
- g. memberi latihan tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa kepada kakitangan berkecuali.

Langkah-langkah (a), (b) dan (c) memerlukan penerimgunaan undang-undang kebangsaan.

*Pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa adalah objektif utama Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Persatuan-Persatuan Kebangsaan memainkan peranan penting dalam hal ini.*

Negara-Negara juga disyorkan supaya mewujudkan jawatankuasa kebangsaan atau badan yang serupa bagi tujuan pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, jika perlu.

Selain itu, Negara-Negara harus menandatangani surat penerimaan Suruhanjaya Antarabangsa Pencarian Fakta, sepertimana yang diperuntukkan dibawah Perkara 90 Protokol Tambahan I kepada Konvensyen-Konvensyen Geneva.

Pelaksanaan adalah suatu proses yang berterusan. Setelah langkah-langkah ini diambil, pelaksanaan masih perlu dilakukan dengan betul. Di samping itu, Negara-Negara digalakkan supaya mematuhi mana-mana instrumen undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang belum mereka sertai.

## TINDAKAN PERSATUAN-PERSATUAN KEBANGSAAN

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh Persatuan Kebangsaan.

### **Penyertaan dalam instrumen undang-undang kemanusiaan antarabangsa**

- membincangkan kandungan dan tujuannya dengan pihak berkuasa kebangsaan;
- menggalakkan sokongan kepada instrumen-instrumen tersebut.

### **Penyesuaian undang-undang kebangsaan**

- meningkatkan kesedaran pihak berkuasa kebangsaan tentang keperluan perundangan bagi melaksanakan undang-undang kemanusiaan;
- menggubal undang-undang kebangsaan dan/atau mengulas draf undang-undang pihak berkuasa kebangsaan;
- menggalakkan pengenalan dan penerimgunaan undang-undang pelaksanaan;
- menerangkan kepada penggubal undang-undang dan orang awam tentang keperluan bagi melaksanakan undang-undang kemanusiaan melalui penyesuaian dengan undang-undang kebangsaan.

### **Perlindungan lambang-lambang**

- meningkatkan kesedaran di kalangan pihak berkuasa kebangsaan, golongan profesional dan perniagaan, orang awam;
- menghebahkan tentang keperluan undang-undang untuk melindungi lambang-lambang dan menggalakkan penerimgunaannya;
- memantau penggunaan lambang-lambang;
- melaporkan penyalahgunaan lambang kepada pihak berkuasa kebangsaan yang berkenaan;
- menasihati pihak berkuasa kebangsaan tentang persoalan undang-undang berhubung dengan penggunaan lambang-lambang.

*Negara-Negara mesti mengambil langkah-langkah, pada masa aman dan juga semasa konflik bersenjata, untuk memastikan mereka memenuhi obligasi masing-masing di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa.*

### **Penyebaran Pengetahuan**

Selain usaha Persatuan-Persatuan sendiri untuk menyebarluaskan pengetahuan tentang undang-undang kemanusiaan, aktiviti-aktiviti dalam hal ini boleh merangkumi:

- mengingatkan pihak berkuasa kebangsaan tentang kewajipan mereka untuk menyebarluaskan pengetahuan;
- menyediakan nasihat dan bahan promosi kepada pihak berkuasa;
- mengambil bahagian dalam program promosi oleh pihak berkuasa;
- memantau kandungan dan kesinambungan program kebangsaan.

---

*Pelaksanaan kebangsaan UUKA ialah suatu proses yang berterusan. Setelah langkah perundangan diambil, pelaksanaan masih perlu dilakukan dengan sewajarnya.*

### **Penasihat undang-undang dalam angkatan tentera dan individu-individu berkelayakan**

- meningkatkan kesedaran antara pihak berkuasa kebangsaan tentang keperluan melantik penasihat undang-undang dalam angkatan tentera serta individu-individu yang berkelayakan;
- mengambil bahagian dalam melatih penasihat dan individu berkelayakan dalam angkatan tentera;
- mencadangkan calon-calon yang sesuai sebagai individu-individu berkelayakan.

### **Jawatankuasa kebangsaan bagi pelaksanaan undang-undang kemanusiaan**

- meningkatkan kesedaran pihak berkuasa kebangsaan tentang kelebihan-kelebihan pembentukan jawatankuasa ini;
- menyediakan khidmat nasihat dan bahan-bahan informasi tentang pembentukannya;
- menyediakan khidmat kesetiausahaan dan lain-lain;
- menasihati jawatankuasa ini selepas pembentukannya;
- menggalakkan jawatankuasa agar mengadakan perjumpaan dengan kerap

### **Sumber Persatuan-Persatuan Kebangsaan**

Persatuan-Persatuan Kebangsaan mempunyai pelbagai sumber yang boleh digunakan untuk membantu pelaksanaan. Sumber ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

### **Kepakaran kebangsaan dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa**

Kepakaran ini boleh disediakan oleh:

- penasihat undang-undang Persatuan-Persatuan Kebangsaan sendiri atau kakitangan yang bertanggungjawab dalam penyebaran pengetahuan tentang undang-undang kemanusiaan;
- pakar undang-undang yang menjalankan tugas lain dalam Persatuan;
- pakar akademik atau ketenteraan yang bertindak sebagai penasihat undang-undang kehormat kepada Persatuan;
- pakar undang-undang, khususnya mereka yang mempunyai latar belakang akademik atau ketenteraan yang sentiasa berhubungan dengan Persatuan.

Persatuan-Persatuan Kebangsaan boleh menyediakan pengetahuan khusus yang mungkin tidak dimiliki oleh pihak berkuasa. Pakar-pakar mereka memiliki gabungan kepakaran dalam undang-undang kebangsaan dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang diperlukan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan.

---

*Persatuan-Persatuan Kebangsaan boleh menyediakan pengetahuan khusus yang tidak dimiliki oleh pihak berkuasa*

### **Hubungan kebangsaan**

Pelaksanaan boleh digalakkan melalui hubungan dengan:

- kerajaan (termasuk kementerian-kementerian seperti Luar Negeri, Pertahanan, Kehakiman dan Kesihatan);
- angkatan tentera dan anggota keselamatan;
- kuasa perundangan;
- badan kehakiman dan guaman;
- pertubuhan pertahanan awam dan bantuan;
- badan-badan dan perwakilan profesion perubatan dan perguruan.

Peranan dan kedudukan Persatuan-Persatuan Kebangsaan di negara masing-masing boleh memberi mereka kelebihan untuk menjalin hubungan-hubungan ini.



### **Kerjasama dan bantuan**

Dengan menggalakkan pelaksanaan, Persatuan-Persatuan Kebangsaan juga boleh mendapatkan nasihat, bahan dan bantuan langsung daripada anggota lain dalam Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa., termasuk:

- Persatuan Kebangsaan lain dalam rantau yang sama;
- Persatuan Kebangsaan dari negara yang mengamalkan sistem undang-undang yang serupa;
- Persatuan Kebangsaan dengan pengalaman dalam bidang pelaksanaan tertentu;
- Khidmat Nasihat ICRC tentang Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti tersebut hendaklah diselaraskan dengan sebaik mungkin dan pertukaran maklumat tentang pelaksanaan perlu digalakkan. Persatuan-Persatuan Kebangsaan disarankan supaya memudahkan hal ini dengan memaklumkan kepada Khidmat Nasihat ICRC tentang langkah-langkah pelaksanaan yang diambil atau dipertimbangkan di negara mereka dan aktiviti serta bidang kepakaran masing-masing dalam urusan pelaksanaan.




Dengan menggunakan dan membangunkan sumber masing-masing serta mendapatkan nasihat dan bantuan daripada anggota lain dalam Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa, Persatuan Kebangsaan mampu melipatgandakan usaha untuk memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dapat dilaksanakan dengan berkesan.

---

*Dengan menggunakan dan membangunkan sumber masing-masing serta mendapatkan nasihat dan bantuan daripada anggota lain dalam Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa, Persatuan-Persatuan Kebangsaan mampu melipatgandakan usaha untuk memastikan pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang berkesan.*

## **MISI**

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross* atau ICRC) ialah sebuah pertubuhan yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi kemanusiaannya yang khusus untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa-mangsa konflik bersenjata dan situasi-situasi keganasan yang lain serta memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa. ICRC juga berusaha untuk mencegah penderitaan dengan menyebarkan pengetahuan dan memperkukuh undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada 1863, ICRC berada pada asal usul Konvensyen-Konvensyen Geneva serta Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Jawatankuasa ini mengawal serta menyelaras aktiviti-aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan semasa berlakunya konflik-konflik bersenjata dan dalam situasi-situasi keganasan yang lain.

 [facebook.com/icrc](https://facebook.com/icrc)  
 [twitter.com/icrc](https://twitter.com/icrc)  
 [instagram.com/icrc](https://instagram.com/icrc)



**ICRC**

**International Committee of the Red Cross**  
19, avenue de la Paix  
1202 Geneva, Switzerland  
T +41 22 734 60 01  
[shop.icrc.org](https://shop.icrc.org)  
© ICRC, April 2021